



## Adakah Pembentukan Semula Payudara menjejaskan rawatan dan pemulihan saya daripada Barah Payudara?

Kajian menunjukkan bahawa pembentukan semula payudara tiada kesan ke atas barah berulang dan tidak melambatkan pengesanan barah. Ia tidak juga menjejaskan kadar hidup pesakit barah payudara.

Pembentukan semula payudara tidak melambatkan atau mengganggu rawatan kemoterapi atau radioterapi, sekiranya salah satu diperlukan.

Menurut kajian, wanita yang menjalani pembentukan semula payudara mempunyai kualiti hidup, seksualiti dan keyakinan diri yang lebih baik.

## Pemulihan selepas Pembedahan

Penginapan di hospital biasanya selama 3 hari hingga seminggu, bergantung kepada individu dan jenis pembentukan semula.

Anda boleh melakukan semula aktiviti seperti kerja rumah, bersukan, memandu dan aktiviti seksual, 4 hingga 8 minggu selepas pembedahan anda.

Akan terdapat parut pada mulanya tetapi lama-kelamaan ia akan kelihatan lebih baik.

**Pusat Penjagaan Payudara**  
Pusat Perubatan NUH Aras 8  
Talian Temu Janji: (65) 6772 2002  
Emel: breast\_surgery@nuhs.edu.sg



**Stesen MRT Terdekat:** Kent Ridge (Circle Line)

**Hospital Universiti Kebangsaan**  
5 Lower Kent Ridge Road, Singapura 119074  
Tel: (65) 6779 5555 Faks: (65) 6779 5678  
Laman Web: [www.nuh.com.sg](http://www.nuh.com.sg)  
No. Pendaftaran Syarikat 198500843R

Maklumat adalah tepat pada masa percetakan (Jan 2017) dan tertakluk kepada pindaan tanpa notis terlebih dahulu.

Maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini semata-mata untuk tujuan pendidikan dan tidak boleh digunakan sebagai ganti diagnosis atau rawatan perubatan. Anda perlu mendapatkan nasihat doktor atau pembekal penjagaan kesihatan yang berkecualan sebelum memulakan sebarang rawatan atau jika anda mempunyai sebarang soalan yang berkaitan dengan kesihatan, kecergasan fizikal atau keadaan kesihatan anda.

# Membentuk Kehidupan dengan Pembentukan Semula Payudara

Apa yang Perlu Anda Ketahui



Menghidap barah payudara adalah antara cabaran terbesar bagi seorang wanita. Mujurlah, hampir semua yang telah menjalani mastektomi bagi barah payudara boleh memilih untuk menjalani pembentukan payudara baru semula.


Mempunyai payudara baru yang dibentuk semula boleh membantu memulihkan imej tubuh seseorang wanita.

## Pembentukan Semula Payudara

Payudara boleh dibentuk semula sama ada menggunakan implan atau daripada tisu tubuh anda sendiri.

### Implan

Implan payudara menggunakan saline atau silikon yang disematkan pada dinding dada di bawah kulit seseorang.





Kadangkala kulit yang telah diambil mungkin tidak mencukupi bagi proses implan. Ini boleh terjadi kalau pembentukan semula dilakukan berbulan-bulan atau bertahun-tahun selepas pembedahan payudara dijalankan. Dalam kes ini, alat untuk mengembang tisu tubuh yang digunakan untuk sementara boleh dimasukkan bagi membolehkan kulit mula merenggang secara progresif sebelum implan payudara yang tetap dapat dijalankan/dilakukan.

## Tisu Badan Sendiri

Menggunakan tisu badan anda sendiri untuk pembentukan semula akan memberikan hasil yang lebih semulajadi dan kesannya lebih baik dalam akan jangka masa panjang.

Dalam proses implan ini, sedikit kulit dan otot dalam bentuk elips akan diambil dari bahagian belakang tubuh dan dipindahkan ke dinding dada untuk membentuk payudara baru.



Lapisan kulit dan lemak dari bahagian bawah abdomen juga boleh diambil dan dipindahkan ke dinding dada untuk membentuk payudara baru.

## Pembentukan Semula Puting Payudara

Puting dan areola (kulit gelap di sekitar puting) biasanya dibentuk semula beberapa bulan selepas pembedahan pembentukan semula payudara. Ini adalah untuk membolehkan payudara baru kekal pada kedudukannya.

Puting payudara dibentuk dengan menggunakan kulit setempat atau sebahagian daripada puting payudara yang satu lagi. Areola boleh dibentuk menerusi proses tatu ataupun daripada lapisan kecil kulit yang diambil dari bahagian pangkal paha.

## Bilakah Pembentukan Semula Payudara boleh dilakukan?

Pembentukan semula payudara boleh dilakukan serentak dengan mastektomi.

Menjalani pembentukan semula payudara dengan segera boleh mengurangkan trauma emosi yang dialami seseorang wanita kerana kehilangan payudara. Ia juga akan memberikan hasil estetik yang lebih baik kerana kulit payudara yang asli dapat dikekalkan.

Ia juga boleh dilakukan bagi mereka yang telah menjalani mastektomi sebelum ini dan sekarang ingin menjalani pembentukan semula.

